

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

HMT 328 – Psikolinguistik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi ENAM soalan.
2. Soalan 1 daripada Bahagian A WAJIB dijawab.
3. Jawab mana-mana DUA soalan yang lain daripada Bahagian B.
4. Jawab mana-mana SATU soalan yang lain daripada Bahagian C.

Bahagian A

Soalan 1 daripada **Bahagian A** WAJIB dijawab.

1. Jawab soalan [a], [b] DAN [c].

[a] Huraikan secara ringkas empat bukti yang menyokong keterangan bahawa bahasa manusia adalah unik dan berbeza dari sistem komunikasi haiwan.

[8 markah]

[b] Senaraikan beberapa kelemahan yang mencirikan pemerian ahli behaviorisme awal mengenai pemprosesan bahasa.

[10 markah]

[c] Secara ringkas huraikan peranan saraf kranial dalam penghasilan bahasa.

[7 markah]

Bahagian B

Jawab mana-mana DUA soalan daripada **Bahagian B**.

2. Seawal manakah pertuturan dirancang? Kemukakan penilaian anda mengenai keterangan yang mengimplikasikan bahawa pertuturan adalah dirancang terlebih dahulu sebelum penghasilan.

[25 markah]

3. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana skemata yang berbeza boleh mempengaruhi cara orang-orang berlainan budaya mengingati sesuatu peristiwa atau cerita.

[25 markah]

4. Jawab soalan [a], [b] DAN [c].

[a] Secara ringkas huraikan faktor-faktor yang menentukan pengaksesan perkataan dan kesilapan kecil dalam tulisan ATAU pertuturan.

[b] Bincangkan ciri-ciri yang mempermudah pengaksesan semula perkataan.

...3/-

- [c] Bincangkan juga faktor-faktor yang memperlahankan DAN melemahkan pengaksesan semula perkataan.

[25 markah]

Bahagian C

SAMA ADA

5. Bincangkan keterangan yang menyokong DAN membantah hipotesis bahawa bahasa merupakan suatu fungsi modular, terpisah dari proses kognitif yang lain. Nyatakan juga pandangan aliran-aliran fikiran mengenai pembelajaran bahasa yang menyokong dan membantah hipotesis tersebut.

[25 markah]

ATAU

6. Bincangkan fokus utama penyelidikan psikolinguistik dalam pemerolehan bahasa kedua, dan bagaimanakah model persaingan merupakan contoh tipikal bagi pendekatan ini.

[25 markah]